

**GARIS PANDUAN**

**AKTIVITI PENGELUARAN, PENGEDARAN DAN**

**PERUNCITAN PERANTI SERTA CECAIR**

**ROKOK ELEKTRONIK TANPA NIKOTIN**

**[GARIS PANDUANINI MULA BERKUAT KUASA PADA 1 APRIL 2018]**

**GARIS PANDUAN**  
**AKTIVITI PENGELUARAN, PENGEDARAN DAN PERUNCITAN PERANTI SERTA**  
**CECAIR ROKOK ELEKTRONIK TANPA NIKOTIN**

## **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak berkaitan yang terbabit dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin di dalam Malaysia.

## **2. DEFINISI**

- 2.1 Definisi yang dinyatakan di perenggan ini hanyalah bertujuan untuk panduan dan pemahaman umum sahaja.
- 2.2 Rokok elektronik bermaksud peranti yang digunakan untuk memanaskan bahan-bahan selain nikotin secara elektronik untuk tujuan menyedut atau menghembus asap atau wap apa-apa bahan.
- 2.3 Pengeluaran bermaksud apa-apa perihal mengeluarkan, usaha (proses) menghasilkan dan penghasilan peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin.
- 2.4 Pengedaran bermaksud apa-apa perbuatan atau hal mengedarkan mengenai peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin.
- 2.5 Peruncitan bermaksud apa-apa penjualan atau pembelian untuk penjualan barang-barang berkaitan peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin.

## **3. PEMATUHAN**

Mana-mana orang yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin di dalam Malaysia (secara bersama dirujuk sebagai "Pihak Industri") adalah digalakkan dan disyorkan untuk mematuhi Garis Panduan ini.

## **4. PIHAK BERKUASA YANG BERKENAAN**

- 4.1 Kementerian Kesihatan (KKM)

Penjualan cecair yang mengandungi nikotin dikawal selia di bawah Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang memperuntukkan penjualan sediaan yang mengandungi nikotin hanya dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen, pengamal perubatan, pengamal pergigian atau pakar bedah veterinar yang berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan.

Bagi rokok elektronik tanpa nikotin, kawalan terhadap larangan penggunaan rokok elektronik di kawasan larangan merokok dan larangan penggunaan rokok elektronik bagi orang di bawah umur dikawal selia di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

4.2 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Standard Malaysia akan membangunkan standard bagi bateri, peranti dan pembungkusan cecair tanpa nikotin rokok elektronik.

4.3. Pihak Berkuasa Tempatan

Menimbang dan mengeluarkan Lesen Premis Perniagaan mengikut peruntukan undang-undang Kerajaan Tempatan masing masing.

## 5. PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN BATERI ROKOK ELEKTRONIK

5.1 Bagi tujuan pematuhan standard keselamatan bateri rokok elektronik maka pihak Industri digalak dan disyorkan untuk menghantar sampel bateri rokok elektronik ke makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia untuk tujuan pengujian sebelum produk memasuki pasaran.

5.2 Standard keselamatan yang terpakai untuk bateri rokok elektronik adalah sebagaimana yang dijelaskan di bawah Garis Panduan Standard Bateri Sekunder iaitu:

*MS IEC 62133: 2017 Secondary cells and batteries containing alkaline or other non-acid electrolytes – Safety requirements for portable sealed secondary cells, and for batteries made from them, for use in portable appliances.*

5.3 Pihak Industri digalak dan disyorkan untuk mendapatkan **pensijilan dan label keselamatan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd** terlebih dahulu sebelum dikemukakan maklumat profil berserta persijilan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) untuk tujuan rekod dan pemantauan.

## **6. PENARIKAN BALIK BARANGAN OLEH PIHAK INDUSTRI**

- 6.1 Pihak Industri adalah digalakkan dan disyorkan supaya membuat penarikan balik mana-mana peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin secara sukarela jika mendapati bahawa peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin tidak selamat, berisiko dan/atau terdapat arahan penarikan balik dari pasaran oleh negara luar bagi menjaga keselamatan pengguna di Malaysia. Setiap arahan penarikan balik oleh negara luar perlulah dimaklumkan kepada KPDKKK bagi tujuan rekod dan pemantauan.
- 6.2 Di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599], Menteri KPDKKK boleh –
- (a) mengisyiharkan mana-mana barang pengguna sebagai barang larangan jika barang pengguna itu menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta atau selainnya tidak selamat; dan
  - (b) menghendaki pembekal memanggil balik barang pengguna tersebut dengan perbelanjaan pembekal itu sendiri

## **7. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

- 7.1 Penguatkuasaan penandaan maklumat yang berkaitan pada label peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin akan terus berkuat kuasa oleh KPDKKK di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.
- 7.2 Selain undang-undang di atas, Pihak Industri perlu mematuhi Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Pemborong) 1980, yang memperuntukkan bahawa Pihak Industri hendaklah melekatkan pada peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin, bungkusan, beg atau bekas, label atau tanda yang mengandungi perkara seperti yang berikut:
- (i) nama atau deskripsi peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin dengan jelas;
  - (ii) berat minimum, kuantiti, jumlah atau kapasiti minimum peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin;
  - (iii) unit, berat atau ukuran hendaklah dalam unit SI (*International System of Unit*) dan bagi peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin yang diimport, juga dalam unit SI;
  - (iv) nama dan alamat pengilang, pengimport, pengeluar atau pemborong, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (v) nama negara pengilang bagi barang yang diimport;
- (vi) label atau tanda hendaklah boleh dibaca dan menggunakan perkataan yang jelas;
- (vii) label atau tanda bagi peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin yang dikeluarkan di Malaysia hendaklah dalam Bahasa Malaysia sahaja, atau dalam Bahasa Malaysia dan mana-mana bahasa lain; dan
- (viii) label atau tanda bagi peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin yang diimport hendaklah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

## **8. PENGEMUKAAN MAKLUMAT**

Bagi tujuan memudahkan KPDNKK merekod dan memantau aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin maka Pihak Industri diminta mengemukakan maklumat profil dan aktiviti perniagaan syarikat kepada KPDNKK sebelum memasuki pasaran.

## **9. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini terpakai **mulai 1 April 2018 hingga 31 Disember 2018 atau tarikh perundangan baru berkuatkuasa** bagi mengawal selia aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin berkuatkuasa.

## **10. MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut tentang Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada -

- (a) Pengarah  
Bahagian Standard Kepenggunaan  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan  
Aras 4, Blok Podium 2, No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya, Malaysia

Tel No. : +603 8882 5886 / 5959 / 5955  
No. Faks : +603 8882 6960  
E-mel : mystandard@kpdnkk.gov.my  
Laman web : [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)

(b) Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
1, Persiaran Dato' Menteri, P.O. Box 7035,  
Seksyen 2, 40700 Shah Alam,  
Selangor, Malaysia.

Toll Free: 1-300-88-7035  
Tel: (603) 5544 6400  
Fax: (603) 5544 6810  
Emel: [cserviceqas@sirim.my](mailto:cserviceqas@sirim.my)  
Laman web: [www.sirim.qas.com.my](http://www.sirim.qas.com.my)